

Jabatan Perikanan jimat RM6.7 juta guna panel solar

UM 8/9/2023 MS: 35

JELEBU: RM6.7 juta bayaran utiliti bulanan dapat dijimatkan apabila Jabatan Perikanan Malaysia menggunakan panel solar di Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) Glami Lemi di sini.

Pengarah Kanan IPP Jabatan Perikanan, Dr. Azhar Hamzah berkata, bagi tahun pertama, dijangkakan RM130,000 dapat dijimatkan sekali gus mengurangkan perbelanjaan kos bayaran utiliti bulanan jabatan berkenaan.

"Panel solar itu dianggarkan boleh menjana kuasa maksimum sebanyak 572 kilowatt, akan dipasang pada bumbung bangunan IPP tersebut. Ia merupakan penjimatan segera

yang akan dinikmati oleh IPP Glami Lemi dan Jabatan Perikanan tanpa mengeluarkan sebarang kos pemasangan serta penyelenggaraan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Perjanjian Bekalan Boleh Diperbaharui di antara Jabatan Perikanan dan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melalui anak syarikatnya GSPARX Sdn. Bhd. di IPP Glami Lemi di sini semalam.

Perjanjian itu ditandatangani Azhar bersama Ketua Retail Negeri TNB Negeri Sembilan, Abd. Manan Abd Rahman dan Ketua Perolehan dan Sokongan Perniagaan GSParx Sdn. Bhd., Ahmad Tarmizi Mohd.



DR. AZHAR HAMZAH (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan **AHMAD TARMIZI MOHD.** (tiga dari kiri) di Jelebu semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN